

# Kebebasan akademik teras untuk memajukan universiti

3.4.2013 UB B3

GERAKAN Mahasiswa PRU13 (GM13) Labuan menyambut baik kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) Prof Madya Dr Ismail Ali, baru-baru ini.

Kenyataan itu adalah bagi memberi respon kepada lima aktivis GM13 yang ditahan polis semasa mengadakan sudut pidato di Bandar Labuan pada 23 Mac lalu.

Pengerusi GM13 Labuan, Al Mughni Shah Jabran berkata ia menunjukkan Ismail sebagai seorang pemimpin yang sangat prihatin terhadap mahasiswa di bawah jagaannya.

"Kami yakin pihak pengarah selaku ahli akademik berpengalaman semestinya memahami konsep kebebasan akademik yang menjadi hak setiap warga universiti. Hak ini menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia.

"Tindakan mahasiswa yang menyatakan pandangan melalui sudut pidato kepada masyarakat perlu dinilai dan dibincangkan oleh pihak universiti secara ilmiah. Hal ini kerana, isu yang dibangkitkan GM13 membabitkan kepentingan inisiatif murni mahasiswa ini diheret ke kancang politik

kepentingan rakyat terbanyak," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Beliau menegaskan pilihan raya merupakan isu yang sangat dekat dengan rakyat, oleh itu tindakan mahasiswa memberi pendedahan berkaitan hak rakyat untuk mengundi perlu ditanggap secara positif oleh pihak universiti.

Katanya, mahasiswa sebagai sebahagian daripada warga universiti mempunyai hak untuk mengulas isu pilihan raya secara akademik dengan pembawaan tersendiri. Oleh itu, adalah amat tidak wajar sekiranya inisiatif murni mahasiswa ini diheret ke kancang politik

sempit oleh pihak universiti.

Al Mughni berkata, GM13 sentiasa bersedia untuk memberi penerangan secara terbuka kepada mana-mana pihak.

"Tindakan GM13 membuat sudut pidato secara terbuka juga menunjukkan kami bersedia menerima apa juga respon daripada masyarakat yang mendengar. Tindakan mengadakan sudut pidato itu juga tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang bahkan Perlembagaan Persekutuan juga memberi peruntukan eksklusif kepada rakyat untuk mengeluarkan inisiatif murni mahasiswa ini diheret ke kancang politik

terbuka.

"Tindakan GM13 ini pada pandangan kami lebih adil sekiranya dibandingkan dengan tindakan sesetengah pihak universiti yang membenarkan dewan-dewan kuliah digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memburuk-burukkan parti pembangkang dan aktivis mahasiswa.

Agenda doktrinasi dalam dewan kuliah ini juga pada hemat GM13 lebih mencemarkan nama Universiti kerana menunjukkan pihak universiti mudah diperalat untuk kepentingan politik sesetengah pihak," katanya.

Katanya, GM13 percaya

keterbukaan pengarah UMS Labuan dalam memberi ruang untuk pensyarah dan mahasiswa mempraktikkan kebebasan akademik secara kreatif dan kritis akan mempu melonjakkan UMS sebagai peneraju perkembangan akademik yang lebih sihat dan terbuka.

"GM13 juga menyeru rakan-rakan mahasiswa terutamanya mahasiswa UMSKAL untuk turut sama memeriahkan prinsip kebebasan akademik bagi membentuk suasana ilmiah yang lebih sihat," katanya.

Beliau berkata, ilmu yang diperolehi dalam universiti perlu dicurahkan kepada

rakyat bagi mengembalikan status universiti sebagai gerbang ilmu.

Mahasiswa kata Al Mughni, juga perlu menghidupkan kembali fungsi mahasiswa sebagai sarjana rakyat yang berperanan besar dalam membina upaya fikir masyarakat ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang berpengetahuan tinggi.

"Ini merupakan tugas asasi mahasiswa sebagai anak muda negara yang sejak akhir-akhir ini semakin diabaikan akibat perlumbaan akademik yang tidak sihat dalam bilik kuliah," katanya.